



“Kajian arkeologi bawah air ini secara langsung membabitkan Jabatan Muzium Sabah dan ia membantu merealisasikan usaha cari gali yang sememangnya diketahui agak mencabar. Secara tidak langsung pula, peranan di pihak penerbitan untuk hasilkan buku ini membantu menyebarkan maklumat demi kepentingan pelajaran dan pengetahuan masyarakat umum.”

DR MOHD SOHAIMI ESA

Pensyarah Kanan Pusat Penataran Ilmu & Bahasa UMS

Kajian bidang arkeologi kurang

► *Usaha perlu dilakukan bagi perbanyakkan kajian arkeologi*

UB 27.3.2014 85

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Menyedari kurangnya hasil kajian mengenai bidang arkeologi bawah air di negeri ini, usaha dilakukan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menerbitkan buku berkaitan kajian arkeologi di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat.

Buku yang bertajuk Arkeologi Maritim Borneo itu ditulis oleh Pensyarah Sekolah Sains Sosial UMS Baszley Bee Basrah Bee dan dijual pada harga RM80 untuk 'soft cover' dan RM100 (hard cover).

Dengan dana penyelidikan yang diberi, kajian dilakukan di perairan Tanjung Simpang Mengayau, Kudat dari Tahun 2003 hingga 2007 ini menggunakan pendekatan arkeologi maritim, sains samudera, geografi dan sejarah.

Pensyarah Kanan Pusat Penataran Ilmu

& Bahasa UMS yang juga pengulas buku berkenaan, Dr Mohd Sohaimi Esa berkata, kajian arkeologi bawah air ini secara langsung membabitkan Jabatan Muzium Sabah dan ia membantu merealisasikan usaha cari gali yang sememangnya diketahui agak mencabar.

"Secara tidak langsung pula, peranan di pihak penerbitan untuk hasilkan buku ini membantu menyebarkan maklumat demi kepentingan pelajaran dan pengetahuan masyarakat umum," katanya kepada pemberita selepas mengulas mengenai buku Arkeologi Maritim Borneo semasa Program Wacana Buku UMS, di sini kelmarin.

Bukuseterbalik 188 halaman ini mengisahkan Tanjung Simpang Mengayau sebagai mercu tanda Pulau Borneo dan menjadi petunjuk utama pula kepada kapal-kapal purba dari arah Utara seperti China sejak Dinasti Tang

(618-906 masihi).

Buku ini turut memuatkan mengenai pelbagai aspek warisan kebudayaan maritim yang terdapat di kawasan itu.

Menurutnya, buku itu akan jadi bahan bacaan semua peringkat umur termasuk kanak-kanak.

"Saya percaya dengan penggunaan banyak gambar, buku ini mampu menarik perhatian kanak-kanak," katanya.

Sohaimi berkata, buku yang diterbitkan pada 2012 itu adalah kesinambungan buku Ekologi Maritim Malaysia yang diterbitkan pada tahun yang sama.

Beliau berkata, kajian-kajian arkeologi itu juga akan membantu mengenalpasti kewujudan ketamadunan awal dari perspektif ilmu.

Bagaimanapun, kajian ini masih di peringkat awal kerana kajian seperti ini hanya dimulakan pada Tahun 2000

dan ia perlu diteliti dan dikaji bagi memperlihatkan kesinambungan sejarah dapat diwujudkan.

"Dengan adanya buku ini, ia dapat memperlihatkan bahawa ketamadunan sudah wujud sekian lama," katanya.

Ditanya mengenai penemuan artifak melalui kajian yang dilakukan, Sohaimi berkata kajian mendapati artifak yang ditemui menunjukkan perkaitan dengan zaman Dinasti Song dan Dinasti Tang.

Dalam pada itu, beliau berharap agar penerbitan buku itu dapat memberi inspirasi kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan agar memperbanyakkan lagi kajian dalam bidang arkeologi bawah air demi kepentingan umum.

Dalam majlis itu, buku bertajuk Bajau Pantai Timur turut diulas oleh Pensyarah Sekolah Sains Sosial Prof Madya Dr Gusni Saat.